PM: BN tiada masalah

UM 1 2 FEB 2003

Oleh FARIDAH HITAM
dan ASUKI ABAS

KUALA LUMPUR 11 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Barisan Nasional (BN) menyambut baik cadangan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memperkenalkan peraturan supaya setiap calon yang melanggar akujanji pilihan raya hilang kelayakan untuk bertanding.

Perdana Menteri berkata, BN tidak mempunyai sebarang masalah untuk mematuhi cadangan yang akan dimuatkan dalam pindaan Akta Pilihan Raya 1954 melalui Rang Undang-Undang Kesalahan Pilihan Raya pada Mac ini.

"Barangkali ada cadangan, tidak tahulah tetapi boleh lah (dilaksanakan).

"Kita (BN) tidak ada masalah, tinggal lagi orang la bila nampak dia tidak boleh menang, dia hendak gunakan keganasan," katanya.

Perdana Menteri bercakap kepada pemberita selepas merasmikan pembangunan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di Hotel Mandarin Oriental di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Pengerusi SPR, Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman yang disiarkan *Utusan Malaysia* hari ini mengenai calon yang akan hilang kelayakan bertanding sekiranya melanggar akujanji iaitu melakukan amalan politik tidak sihat termasuk kempen-kempen ganas semasa pilihan raya.

Abdul Rashid menyatakan, SPR akan mengambil tindakan keras sekiranya calon melanggar akujanji dan membawa mereka ke mahkamah.

patuhi syor akujanji

Menurut Perdana Menteri, SPR tidak memaklumkannya mengenai cadangan tersebut semasa memberikan taklimat kepadanya semalam.

"Mereka cuma tunjuk mekanisme untuk cadangan menggunakan pengundian elektronik dan cara-caranya dia buat demonstrasi untuk saya lihat," katanya.

Mengenai cara pengundian terbaru itu, Dr. Mahathir berkata, kerajaan belum membuat sebarang keputusan mengenainya.

"(Bagaimanapun) satu hari nanti kita kenalah juga gunakan (kaedah tersebut) kerana ia lebih canggih dan memudahkan, kita akan dapat keputusan lebih cepat," ujar Dr. Mahathir.

Berkenaan cadangan supaya BN menamakan calon Menteri Besar Kelantan dan Terengganu lebih awal sebelum pilihan raya, Perdana Menteri berkata, beliau perlu meneliti dahulu cadangan tersebut.

"Saya dah kata saya akan tengok, awal berapa awal, setahun dulu ke atau 10 tahun dulu ke, sehari dulu ke, awal juga," katanya.

Mengenai usaha Pas untuk menjauhkan diri dari dikaitkan dengan keganasan berikutan kehadiran pemangku Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dalam satu persidangan yang disertai oleh beberapa orang pengganas, Dr. Mahathir berkata, beliau harap parti itu tidak melibatkan diri dalam sebarang kegiatan jenayah.

"Mereka jumpa orang tidak mengapa, tetapi kita hendak tahu mereka berjumpa untuk apa?

"Jika mereka berjumpa orang untuk merancang satu tindakan ganas, tentulah mereka boleh dihukum," katanya.

Mengulas laporan bahawa kerajaan akan membantu dana-dana amanah anjuran kerajaan-kerajaan negeri, Dr. Mahathir berkata, kerajaan belum membuat apa-apa keputusan mengenainya.

Beliau bagaimanapun melahirkan kekesalan terhadap para pelabur yang mendesak menerima keuntungan sepanjang masa dari pelaburan mereka sedangkan ia melibatkan untung rugi.

"Orang yang macam ini saya tidak faham kerana mereka melabur dan percaya bahawa pelaburan mesti untung sepanjang masa (sedangkan) ada kalanya pelaburan tidak untung dan kita kena terima hakikat.

"Pelaburan ada untung ada rugi, tidak ada jaminan (tetapi) kalau hendak jaminan simpan duit dalam bank, kutip faedah, itu jaminan," ujar beliau.